



LAPORAN IMPAK

KAMPUNG ANGKAT MADANI

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2025

ISI KANDUNGAN

- Kata Aluan Naib Canselor UNIMAS
- Sekilas Kampung Semera, Kampung Angkat MADANI (KAM) 2025
- Pelaksanaan KAM 2025
- Jawatankuasa KAM 2025
- Ahli Jawatankuasa KAM 2025
- Penghargaan

Memperkasakan Komuniti ke arah Kelestarian Sejagat

KATA ALUAN NAIB CANSELOR

Profesor Dr. Haji Ahmad Hata bin Rasit
Naib Canselor,
Universiti Malaysia Sarawak



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Program Kampung Angkat MADANI 2025 oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya di Kampung Semera, Sadong Jaya, Sarawak.

Laporan impak ini mendokumentasikan hasil pelaksanaan 20 projek komuniti bersepadu yang melibatkan kolaborasi pelbagai fakulti, pusat tanggungjawab, dan rakan strategik UNIMAS. Berteraskan aspirasi Malaysia MADANI, kesemua inisiatif ini dirancang khusus berasaskan keperluan sebenar komuniti; merangkumi pembangunan infrastruktur, akses air bersih, tenaga boleh diperbaharui, pendidikan, kesihatan, keselamatan siber, serta pemerkasaan ekonomi setempat.

Kejayaan ini membuktikan peranan dinamik UNIMAS bukan sekadar sebagai pusat menara gading, malah sebagai pemangkin transformasi sosial yang membawa impak nyata kepada masyarakat. Sinergi erat antara universiti, agensi kerajaan, sektor swasta, dan penduduk tempatan telah memperkukuh kelestarian serta daya tahan komuniti di Kampung Semera.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia atas kepercayaan yang diberikan, rakan-rakan strategik, para pemimpin komuniti, serta seluruh warga Kampung Semera atas komitmen luar biasa sepanjang program ini berlangsung.

Semoga keberhasilan yang didokumentasikan dalam laporan ini menjadi pemacu kepada pembangunan komuniti yang lestari dan mampu menjadi contoh untuk kawasan-kawasan lain pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Sekian, terima kasih.

SEKILAS KAMPUNG SEMERA, KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM) 2025



**KAMPUNG
ANGKAT
MADANI**

KAMPUNG SEMERA

Program Kampung Angkat MADANI Kampung Semera, Sadong Jaya



Kampung Semera,
Sadong Jaya



- Kampung Semera Lot Baru
- Kampung Semera Masjid
- Kampung Ulu Semera
- Kampung Semera Hilir
- Kampung Semera Lot

Kampung Angkat
MADANI



10

Projek Fizikal

8

Projek Bukan Fizikal



Diselaraskan oleh
Pusat Kelestarian Universiti
dan melibatkan 18 PTJ

10

Fakulti

2

Pusat

3

Bahagian

Hospital
Pengajar
UNIMAS

UNIMAS
Business
School



Community-Driven University for a Sustainable World

1

KAMPUNG SEMERA

Komuniti Pesisir yang Berpotensi dan Berdaya Maju



UNIVERSITY SUSTAINABILITY
CENTRE

LOKASI



Asajaya, Samarahan, Sarawak
Kampung Angkat MADANI UNIMAS 2025

FAKTA UTAMA



5

Kampung



6,809

Penduduk



Komuniti
Pesisir



Aktiviti
Perikanan



Kampung Angkat
MADANI UNIMAS

DEMOGRAFI KAMPUNG SEMERA

KAMPUNG	PENDUDUK
1 Kg Semera Hilir	1,900 org
2 Kg Semera Lot	1,590 org
3 Kg Semera Lot Baru	504 org
4 Kg Ulu Semera	315 org
5 Kg Semera Masjid	2,500 org
JUMLAH KESELURUHAN	6,809 org

PROFIL KOMUNITI



**Komuniti
Pesisir**

Komuniti harmoni
yang terdiri daripada
pelbagai lapisan
masyarakat.



**Aktiviti
Ekonomi**

Perikanan, pertanian,
perniagaan kecil dan
perkhidmatan tempatan
sebagai sumber
pendapatan utama.



**Institusi
Komuniti**

Terdapat masjid, dewan
serbaguna, perpustakaan
dan kemudahan asas yang
menyokong aktiviti
kemasyarakatan.



**Potensi
Pembangunan**

Lokasi strategik dengan
potensi untuk terus
maju melalui kerjasama
universiti, agensi dan
komuniti.

CABARAN UTAMA KAMPUNG SEMERA



6,809

Penduduk
Kampung Semera



Air Bersih

Bekalan air terhad
semasa musim
cuaca panas.



Pencapaian

Kawasan tertentu
masih gelap pada
waktu malam dan
tidak selamat.



Infrastruktur

Jeti dan dewan
serbaguna
memerlukan
penambahbaikan.



Literasi Digital

Kesedaran dan
kemahiran digital
komuniti masih
perlu diperkasa.



**Pembangunan
Sosioekonomi**

Memerlukan lebih banyak
program pembangunan
kapasiti untuk
meningkatkan
sosioekonomi komuniti.



Selamat

Persekitaran yang selamat
dan sejahtera untuk semua.



Mampan

Pembangunan seimbang
dan lestari untuk generasi
akan datang.



Berilmu

Komuniti berilmu melalui
pendidikan sepanjang hayat
dan literasi.



Berdaya Saing

Meningkatkan kemahiran dan
ekonomi untuk masa depan
yang lebih baik.



Sejahtera

Kehidupan harmoni,
sihat dan penuh
kebersamaan.

Pengindahan dan Penyelenggaraan Halaman Perpustakaan Desa, Kampung Semera

Tarikh Pelaksanaan: Julai – Disember 2025

Pelaksana: Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS

Peruntukan: RM15,000.00

Projek “Pengindahan dan Penyelenggaraan Halaman Perpustakaan Desa, Kampung Semera” ini dilaksanakan oleh Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS dengan kerjasama JKKK Kampung Semera, warga kerja Perpustakaan Desa Kampung Semera, Persatuan Mahasiswa Fakulti Seni Gunaan & Kreatif (PERSENI) bagi penyelarasan logistik, serta pelajar-pelajar Program Seni Halus, FSGK bagi lakaran dan pengecatan mural.

Output:

1. Mural baharu pada dinding bangunan perpustakaan.
2. Pembinaan gazebo di halaman perpustakaan.
3. Halaman perpustakaan yang lebih bersih dan kemas.

Impak:

1. Transformasi visual pada dinding bangunan perpustakaan desa melalui penghasilan mural.
2. Menyediakan persekitaran luar yang selamat dan ceria untuk pengguna perpustakaan.
3. Menarik minat dan meningkatkan jumlah kehadiran pengunjung serta pengguna perpustakaan dari pelbagai lapisan masyarakat di Kampung Semera.

SDG



PENERIMA MANFAAT

305 

Kanak-kanak, belia dan pengguna perpustakaan

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://www.tvsarawak.my/2026/02/05/unimas-perkukuh-kesejahteraan-masyarakat-luar-bandar-menerusi-projek-komuniti-berimpak-tinggi/>

AHLI PROJEK

Doris anak Maying (Ketua), Muhyiddin bin Mohammed, Dr Hakimi bin Halim, Mohamad Saufian bin Suhaili, Dr Ringah anak Kanyan, Amir Hassan bin Mkhd Shah

SEBELUM NAIK TARAF



SEMASA KERJA NAIK TARAF



SELEPAS KERJA NAIK TARAF



Penambahbaikan Pencahayaan Dalam Perustakaan Desa dan Pewujudan Ruang Aktiviti Literasi STEAM

Tarikh Pelaksanaan: Julai – November 2025

Pelaksana: Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS

Peruntukan: RM9220

Projek ini bertujuan meningkatkan keselesaan dan fungsi Perustakaan Desa Kampung Semera melalui penambahbaikan sistem pencahayaan dalaman serta pewujudan ruang khas Literasi dan STEAM. Inisiatif ini menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif, menarik dan interaktif untuk kanak-kanak, remaja serta komuniti setempat.

Output:

1. Pemasangan lampu tumpu bawah (*downlight*) baharu yang lebih terang dan cekap tenaga.
2. Pembaikan asas sistem elektrik perpustakaan.
3. Penyediaan sudut khas literasi dan STEAM untuk aktiviti pembelajaran.

Impak:

1. Meningkatkan keselesaan dan pengalaman pengguna perpustakaan.
2. Menggalakkan minat membaca serta pembelajaran berasaskan STEAM dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.
3. Menjadikan perpustakaan sebagai ruang pembelajaran komuniti yang lebih aktif dan menarik.

SDG



PENERIMA MANFAAT

6,809 

Kanak-kanak, belia, dan komuniti Kampung Semera

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/08/kampung-angkat-madani-rapatkan-jurang-desa-bandar>

AHLI PROJEK

Muhyiddin Bin Mohammed (Ketua), Dr Hakimi bin Halim, Mohamad Saufian bin Suhaili, Dr Ringah anak Kanyan



Rekabentuk dan Pemasangan Sistem Penuaian Air Hujan di Kampung Semera Lot Baru

Tarikh Pelaksanaan: Jun – Disember 2025
 Pelaksana: Fakulti Alam Bina, UNIMAS
 Peruntukan: RM70,000.00

Projek ini bertujuan membangunkan sistem penuaian air hujan di Kampung Semera Lot Baru sebagai sumber bekalan air bersih alternatif yang mampan bagi mengurangkan masalah kekurangan bekalan air. Terdapat dua jenis sistem yang disediakan iaitu takungan daripada sumber air terawat dan takungan air hujan. Sistem ini yang dipasang di kawasan masjid membantu menyediakan bekalan air yang lebih konsisten untuk kegunaan komuniti serta menyokong aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.

Output:

1. Pemasangan sistem penuaian air hujan dan penyimpanan air terawatt di kawasan masjid.
2. Penyediaan sumber air alternatif yang bersih dan mudah diakses oleh komuniti.
3. Kemudahan bekalan air yang lebih stabil untuk kegunaan harian dan aktiviti komuniti.

Impak:

1. Mengurangkan masalah kekurangan bekalan air dalam kalangan penduduk Kampung Semera Lot Baru.
2. Meningkatkan akses komuniti kepada sumber air bersih yang lebih konsisten dan mampan.
3. Menyokong kelancaran aktiviti keagamaan, sosial dan ekonomi komuniti setempat.

SDG



PENERIMA MANFAAT



Masyarakat Kampung Semera Lot Baru

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://suarasarawak.my/unimas-laksana-10-projek-fizikal-8-program-sosial-di-semera/>

AHLI PROJEK

Dr Shazwan bin Mohamed Shaari (Ketua), Abdul Wafi bin Razali, Prof. Dr Azhaili Bin Baharun, Sr. Gui Hun Chuen, Muhammad Fareez bin Saidin, Ar. IDr. Mervyn Wong Hsin Jyi



Rekabentuk dan Pemasangan Sistem Penuaian Air Hujan di Kampung Semera Hilir

Tarikh Pelaksanaan: Jun 2025 – Jun 2026
 Pelaksana: Fakulti Alam Bina, UNIMAS
 Peruntukan: RM70,000.00

Projek ini bertujuan membangunkan sistem penuaian air hujan di Kampung Semera Hilir sebagai sumber bekalan air bersih alternatif yang mampan bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air di Dewan Kampung Semera Hilir. Sistem ini membantu menyediakan bekalan air yang lebih konsisten untuk kegunaan komuniti serta menyokong pelbagai aktiviti kemasyarakatan di kampung.

Output:

1. Pemasangan sistem penuaian dan penyimpanan air hujan di kawasan Dewan Kampung Semera Hilir.
2. Penyediaan sumber air bersih alternatif untuk kegunaan aktiviti komuniti.

Impak:

1. Mengurangkan kebergantungan kepada bekalan air utama yang sering menghadapi tekanan rendah.
2. Meningkatkan akses komuniti kepada sumber air bersih yang lebih stabil dan mampan.
3. Menyokong kesejahteraan penduduk serta kelancaran aktiviti sosial dan ekonomi setempat.

SDG



PENERIMA MANFAAT

1,900 

Masyarakat Kampung Semera Hilir

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://suarasarawak.my/unimas-laksana-10-projek-fizikal-8-program-sosial-di-semera/>

AHLI PROJEK

Muhammad Fareez bin Saidin (Ketua), Danny Chung Chia Tat, Dr Shazwan bin Mohamed Shaari, Abdul Wafi bin Razali, Prof. Dr Azhaili Bin Baharun, Sr. Gui Hun Chuen




Program Komuniti Sejahtera, Hidup Bahagia ini berfokus kepada meningkatkan kesedaran berkenaan kesejahteraan komuniti serta pencegahan penyalahgunaan dadah. Program yang diterajui oleh Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia ini dijalankan dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan beberapa Pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Pelbagai aktiviti seperti ceramah, senamrobik, Fun Walk, pameran dan dialog dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran, menggalakkan gaya hidup sihat dan memperkukuh perpaduan komuniti.

Output:

1. Pelaksanaan program komuniti sehari melibatkan Masyarakat Kampung Semera dan pelbagai agensi/NGO.
2. Aktiviti perkongsian ilmu, pameran, senamrobik dan Fun Walk.

Impak:

1. Meningkatkan kesedaran tentang isu-isu kesihatan, bahaya dadah dan jenayah.
2. Menggalakkan gaya hidup sihat serta hubungan komuniti yang lebih erat.
3. Memperkukuh kerjasama antara komuniti, agensi kerajaan dan NGO.

SDG**PENERIMA MANFAAT**

Kanak-kanak, belia, dewasa dan warga emas

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

https://ukas.sarawak.gov.my/web/subpage/news_view/22393

AHLI PROJEK

Nur Fatimah binti Mat Yusoff (Ketua), Dr Mohd. Shahrul bin Kamaruddin, Dr Siti Atiyah binti Ali, Dr Nurfaizatul Aisyah Binti Ab Aziz, Dr Norhasmira binti Mohammad, Dr Ida Juliana Hutasuhut, Dr Ilyana binti Anas,, Dr Janet Ann Fernandez



Program CYBEARS bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan komuniti mengenai keselamatan siber melalui latihan berkaitan ancaman siber, amalan kebersihan siber dan strategi tindak balas insiden. Program yang dijalankan dengan kerjasama The Asia Foundation ini memberi tumpuan kepada usahawan dan belia bagi membantu mereka menggunakan teknologi digital dengan lebih selamat dan berkeyakinan.

Output:

1. Pelaksanaan siri latihan dan bengkel keselamatan siber untuk komuniti.
2. Peningkatan pengetahuan peserta mengenai ancaman dan risiko siber.
3. Pendedahan kepada amalan keselamatan digital yang selamat dan berkesan.

Impak:

1. Meningkatkan kesedaran komuniti terhadap ancaman siber seperti penipuan dalam talian dan *phishing*.
2. Memperkukuh keselamatan digital dalam kalangan usahawan dan belia.
3. Membantu komuniti menggunakan teknologi digital dengan lebih selamat dan yakin.

SDG



PENERIMA MANFAAT



Usahawan dan belia yang terlibat dalam penggunaan teknologi

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://gazette.unimas.my/2025/10/24/unimas-strengthens-cyber-resilience-for-sarawak-entrepreneurs-through-cybears-program/>

AHLI PROJEK

PM Dr Sarah Flora Samson Juan (Ketua), Ts. Dr Lau Sei Ping, Ts. Nurfaeza bt Jali, Seleviawati bt Tarmizi, Ts. Abdul Rahman bin Mat, Prof. Dr Johari bin Abdullah



Kajian survei selepas sesi latihan

Adakah anda akan mengesyorkan sesi latihan ini kepada orang lain?

Saya tahu cara untuk melindungi diri sendiri di alam maya.

Saya mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang asas keselamatan siber selepas sesi latihan ini.

Apakah penilaian anda terhadap lokasi, masa atau tempoh latihan?

Sila berikan penilaian anda berkenaan kualiti pelatih semasa sesi ini.

Sila berikan penilaian anda berkenaan kualiti sesi latihan ini.

■ Tidak Memuaskan ■ Kurang Memuaskan ■ Sederhana ■ Baik ■ Cemerlang

0 10 20 30 40 50 60 70 80

Bengkel Asas Gunting Rambut: Langkah Pertama ke Arah Kemahiran Profesional

Tarikh Pelaksanaan: Mei – Disember 2025

Pelaksana: Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UNIMAS

Peruntukan: RM20,000.00

Bengkel Asas Gunting Rambut: Langkah Pertama ke Arah Kemahiran Profesional ini merupakan inisiatif pembangunan kemahiran komuniti yang bertujuan melatih belia Kampung Semera dalam kemahiran asas gunting rambut, keusahawanan, pemasaran dan kewangan. Melalui bengkel dua hari yang bersifat praktikal, peserta didedahkan kepada teknik gunting rambut, pengurusan pelanggan dan peluang menjana pendapatan sendiri. Rakan strategik untuk program ini ialah Yayasan Kepimpinan Al-Bait.

Output:

1. Pelaksanaan bengkel asas gunting rambut secara teori dan praktikal.
2. Kit permulaan usahawan gunting rambut bergerak untuk 30 peserta.
3. Latihan asas keusahawanan untuk peserta.

Impak:

1. Meningkatkan kemahiran dan keyakinan belia dalam bidang gunting rambut.
2. Membuka peluang keusahawanan kecil melalui kemahiran menggunting rambut.

SDG



PENERIMA MANFAAT

30



Belia dan asnaf

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://gazette.unimas.my/2025/11/07/empowering-communities-through-skills-development-unimas-sustainability-centre-fosters-independence-and-entrepreneurship-in-kampung-semera-through-the-basic-haircutting-workshop/>

AHLI PROJEK

Dr Sharifah Sabrina binti Syed Ali (Ketua), Bakri bin Abdul Karim, Dr Nur Constance Wah, Nurul Syuhada binti Zaidi, PM Dr Siti Kudnie bt Sahari, Ts. Dr Abdul Rahman bin Kram, Mohd Naim bin Kamaruzaman, Dr Noratikah binti Mohamad Ashari, Siti Haslina binti Hussin, Dr Khairil Annuar bin Mohd Kamal, Mohd Waliuddin bin Mohd Razali, PM Dr Salawati binti Sahari



Tarikh Pelaksanaan: Julai - September 2025

Pelaksana: Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, UNIMAS

Peruntukan: RM15,000.00

Program Pembangunan Kapasiti Pengurusan Masjid yang bertempat di Masjid al-Azhar Kampung Semera ini memberi tumpuan kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran komuniti dalam aspek pengurusan jenazah serta memperkukuh peranan masjid sebagai pusat pembangunan komuniti. Program ini dilaksanakan oleh Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi (FPBK) dengan kerjasama Pusat Islam Tun Ahmad Salahuddin (PITAS), UNIMAS dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) Bahagian Samarahan.

Output:

1. Pelaksanaan kursus dan latihan pengurusan jenazah.
2. Penyerahan lima (5) set lengkap pengurusan jenazah dan sebuah tempat mandi jenazah mudah alih bagi kegunaan inventori masjid.
3. Modul ringkas panduan pengurusan jenazah untuk rujukan peserta.


Impak:

1. Meningkatkan kesediaan dan kecekapan komuniti setempat dalam mengendalikan pengurusan jenazah secara bersistematik serta mengikut hukum syarak.
2. Mentransformasikan peranan masjid kepada pusat kecemerlangan ilmu, kesukarelawanan dan hab pembangunan sosio-ekonomi komuniti yang aktif.

SDG



PENERIMA MANFAAT



Ahli Jawatankuasa masjid, guru KAFA, wanita, kanak-kanak dan remaja

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://www.facebook.com/share/p/1CoPVDkPyV/>

https://ukas.sarawak.gov.my/web/subpage/news_view/22393

AHLI PROJEK

Muhd Syahazizamir bin Sahmat (Ketua), Dr Noratikah binti Mohamad Ashari, Prof. Dr Zaimuariffudin Shukri bin Nordin, Dr Mohd Sham bin Kamis, Fatin Ardani binti Zamri, Siti Nasuha binti Singki, Mohamad Zaky Gardafi bin Ibrahim, Arif Bin Mat, Fadilah Binti Sarkawi, Nor Mazreena binti Mazlan



Naik Taraf Jeti Nelayan dan Lantai Konkrit di Kampung Ulu Semera

Tarikh Pelaksanaan: Julai 2025 – Februari 2026
Pelaksana: Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS
Peruntukan: RM100,000.00

Projek ini bertujuan menaik taraf kemudahan jeti dan laluan akses di Kampung Ulu Semera melalui pembinaan lantai konkrit bertetulang, penambahbaikan jalan menuju ke jeti serta pemasangan dua unit lampu jalan solar. Inisiatif ini dilaksanakan bagi meningkatkan keselamatan, kemudahan pergerakan dan menyokong aktiviti ekonomi komuniti setempat.

Output:

1. Pembinaan lantai konkrit bertetulang di kawasan jeti.
2. Penambahbaikan laluan akses dari kampung ke jeti.

Impak:

1. Meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna jeti serta laluan kampung.
2. Memudahkan aktiviti ekonomi seperti perikanan, pertanian dan pengangkutan hasil.
3. Menyediakan akses yang lebih selamat dan berfungsi sepanjang tahun untuk komuniti setempat.

SDG



PENERIMA MANFAAT

315



Nelayan, petani, peniaga kecil Kampung Ulu Semera

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/08/kampung-angkat-madani-rapatkan-jurang-desa-bandar>

AHLI PROJEK

Ir. Ts. Dr Azizah binti Abdul Nassir (Ketua), Dr Faisal Amsyar bin Redzuan, PM Ir. Dr Norazzlina bt M. Sa'don, PM Dr Norsuzailina binti Mohamed Sutan, PM Ir. Dr Abdul Razak bin Abdul Karim, Spencer anak Jackie, Mohamad Zaidi Bin Serah, Dr Norlida binti Jamil

PONDOK JETI ASAL



PONDOK JETI SEMASA KERJA NAIK TARAF



PONDOK JETI DAN LANTAI KONKRIT YANG TELAH DINAIK TARAF



Projek ini bertujuan membangunkan kemudahan limbungan dok penyelenggaraan bot di kawasan jeti Kampung Semera Hilir. Inisiatif ini dilaksanakan bagi meningkatkan keselamatan, kecekapan operasi perikanan dan kemudahan infrastruktur yang menyokong aktiviti ekonomi komuniti setempat.


Output:

1. Pembinaan sebuah dok penyelenggaraan dan pembaikan bot nelayan.
2. Penyediaan kemudahan yang lebih selamat dan teratur untuk aktiviti perikanan.

Impak:

1. Meningkatkan keselamatan dan kemudahan nelayan menjalankan aktiviti harian.
2. Mengurangkan kos dan masa penyelenggaraan bot.
3. Menyokong peningkatan produktiviti serta pendapatan komuniti nelayan setempat.

SDG



PENERIMA MANFAAT

100



Nelayan, petani dan peniaga kecil Kampung Semera Hilir

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/08/kampung-angkat-madani-rapatkan-jurang-desa-bandar>

AHLI PROJEK

Dr Faisal Amsyar bin Redzuan (Ketua), Ir. Ts. Dr Azizah binti Abdul Nassir, PM Ir. Dr Abdul Razak bin Abdul Karim, PM Dr Norsuzailina binti Mohamed Sutan, PM Ir. Dr Norazzlina bt M. Sa'don, Dr Norlida binti Jamil, Ir. Dr Muhammad Syukri Imran bin Abdullah, Mohamad Zaidi Bin Serah, Spencer anak Jeckie, Abg Asmadi bin Abg Shokeran, Amylianatasa Ahmad, Awang Mohamad Najib Bin Awang Sepian

SEBELUM PEMBINAAN FASILITI LIMBUNGAN



SEMASA KERJA PEMBINAAN



FASILITI LIMBUNGAN YANG TELAH SIAP



SELEPAS PEMBINAAN FASILITI LIMBUNGAN



Pemasangan Lampu LED Solar Bertiang di Jeti Kampung Ulu Semera

Tarikh Pelaksanaan: Julai 2025 – Jun 2026

Pelaksana: Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS

Peruntukan: RM20,000.00

Projek ini melibatkan pemasangan dua (2) unit lampu jalan LED berkuasa solar di kawasan jeti Kampung Ulu Semera bagi meningkatkan pencahayaan, keselamatan dan keselesaan pengguna. Inisiatif ini turut menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui sebagai penyelesaian yang mampan dan mesra alam untuk komuniti Kampung Ulu Semera.

Output:

1. Pemasangan dan pengoperasian penuh dua (2) unit sistem lampu jalan LED berkuasa solar di lokasi strategik kawasan jeti Kampung Ulu Semera.
2. Penyediaan infrastruktur pencahayaan alternatif yang mesra alam dan bebas kos utiliti (elektrik) untuk kemudahan komuniti.

Impak:

1. Mengurangkan risiko kemalangan dan jenayah di kawasan jeti pada waktu malam melalui penyediaan pencahayaan yang optimum dan konsisten.
2. Meningkatkan kesedaran dan amalan teknologi hijau dalam kalangan komuniti.

SDG



PENERIMA MANFAAT



Penduduk Kampung Ulu Semera

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://suarasarawak.my/unimas-laksana-10-projek-fizikal-8-program-sosial-di-semera/>

AHLI PROJEK

DrAbadi bin Chanik @ Azhar (Ketua), Ir. Ts. Dr Then Yi Lung, Ir. Ts. Dr Abdul Rahman bin Kram, Yanuar Zulardiansyah Arief, Mahathir bin Bujang, Iskendasah bin Minggu, Azizan Bin Segri

SELEPAS PEMASANGAN DAN PENGOPERASIAN LAMPU LED SOLAR



Pemasangan Lampu LED Solar Bertiang di Tanah Perkuburan Kampung Semera

Tarikh Pelaksanaan: November 2025 – Jun 2026

Pelaksana: Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS

Peruntukan: RM20,000.00

Projek ini melibatkan pemasangan dua (2) unit lampu jalan LED berkuasa solar di kawasan tanah perkuburan Kampung Semera bagi meningkatkan pencahayaan, keselamatan dan kemudahan akses, terutamanya pada waktu malam. Penggunaan tenaga solar sebagai sumber tenaga alternatif turut menyokong pembangunan infrastruktur luar bandar yang mampan dan mesra alam.

Output:

1. Pemasangan dan pengoperasian penuh dua (2) unit sistem lampu jalan LED berkuasa solar di kawasan tanah perkuburan Kampung Semera.
2. Penyediaan infrastruktur pencahayaan alternatif berasaskan teknologi hijau yang bebas kos utiliti (elektrik) bagi kegunaan komuniti setempat.

Impak:

1. Mempermudah dan melancarkan urusan pengebumian kecemasan atau ziarah pada waktu malam atau awal pagi melalui penyediaan pencahayaan yang optimum.
2. Mengetengahkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui (solar) sebagai solusi kos efektif bagi pengurusan prasarana komuniti.

SDG



PENERIMA MANFAAT

6,809

Penduduk Kampung Semera

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://suarasarawak.my/unimas-laksana-10-projek-fizikal-8-program-sosial-di-semera/>

AHLI PROJEK

Dr Abadi bin Chanik @ Azhar (Ketua), Ir. Ts. Dr Then Yi Lung, Ir. Ts. Dr Abdul Rahman bin Kram, Yanuar Zulardiansyah Arief, Mahathir bin Bujang, Iskendasah bin Minggu, Azizan Bin Segri



Pemasangan Lampu LED Solar Bertiang di Masjid Kampung Semera Lot Baru

Tarikh Pelaksanaan: Julai 2025 – November 2025

Pelaksana: Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS

Peruntukan: RM50,000.00

Projek ini melibatkan pemasangan lima (5) unit lampu jalan LED berkuasa solar di kawasan Masjid Kampung Semera Lot Baru bagi meningkatkan pencahayaan, keselamatan dan keselesaan komuniti, khususnya semasa aktiviti pada waktu malam. Inisiatif ini turut menyokong penggunaan tenaga hijau dan pembangunan infrastruktur luar bandar yang mampan.

Output:

1. Pemasangan lima unit lampu jalan LED berkuasa solar.
2. Peningkatan pencahayaan di kawasan masjid dan laluan sekitarnya.
3. Penyediaan kemudahan awam yang lebih selamat dan mesra pengguna.

Impak:

1. Meningkatkan keselamatan dan keselesaan komuniti semasa aktiviti malam di masjid.
2. Memudahkan pergerakan penduduk di kawasan sekitar masjid.
3. Menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam pembangunan komuniti.

SDG



PENERIMA MANFAAT

504



Penduduk Kampung Semera Lot Baru


PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://suarasarawak.my/unimas-laksana-10-projek-fizikal-8-program-sosial-di-semera/>

AHLI PROJEK

Puan Nazreen bt Junaidi (Ketua), Encik Hazrul bin Mohamed Basri, Puan Kasumawati bt. Lias, Encik Wan Azlan bin Wan Zainal Abidin, Encik Nasri Bin Eli, Encik Abang Mohd Firdaus Bin Abg Abdul Hamid, Puan Zuraidah Binti Ibrahim

SELEPAS PEMASANGAN DAN PENGOPERASIAN LAMPU LED SOLAR



Naik Taraf Dewan Serbaguna Kampung Semera Hilir (Pendawaian, Lampu dan Pintu)

Tarikh Pelaksanaan: Julai 2025 – Mei 2026

Pelaksana: Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS

Peruntukan: RM40,000.00

Projek ini melibatkan naik taraf pendawaian elektrik, pemasangan sistem pencahayaan berprestasi tinggi serta penggantian pintu di Dewan Serbaguna Kampung Semera Hilir. Penambahbaikan ini bertujuan meningkatkan keselamatan, keselesaan dan fungsi dewan bagi menyokong pelbagai aktiviti komuniti termasuk sukan badminton dan program kemasyarakatan.

Output:

1. Naik taraf infrastruktur pendawaian elektrik dewan dengan piawaian keselamatan.
2. Pemasangan system lampu berprestasi tinggi untuk aktiviti dalaman.
3. Penggantian pintu dewan kepada struktur yang lebih selamat dan efisien.

Impak:

1. Menjamin keselamatan pengguna melalui sistem elektrik yang patuh piawaian teknikal.
2. Meningkatkan kualiti penganjuran aktiviti sukan dan majlis komuniti melalui pencahayaan yang lebih baik.
3. Menjadikan dewan sebagai pusat aktiviti masyarakat yang aktif, selamat dan kondusif.

SDG



PENERIMA MANFAAT

1,900

Komuniti Kampung Semera Hilir

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/08/kampung-angkat-madani-rapatkan-jurang-desa-bandar>

AHLI PROJEK

Dr Mohd Ridhuan bin Mohd Sharip (Ketua), Dr Dyg Norkhairunnisa binti Abang Zaidel, Nurul 'Izzati binti Hashim, Ts. Dr Ade Syaheda Wani bt Marzuki, Yusmizan bin Hanin @ Bunian, Johari bin Abdul Karim, Azizan Bin Segri



Tarikh Pelaksanaan: Julai 2025 – Mei 2026

Pelaksana: Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS

Peruntukan: RM50,000.00

Projek ini melibatkan pemasangan sistem pendawaian elektrik baharu di Dewan Serbaguna Kampung Semera Masjid bagi menyokong keperluan pencahayaan, soket kuasa dan peralatan asas. Penambahbaikan ini bertujuan meningkatkan keselamatan, keselesaan dan fungsi dewan sebagai pusat aktiviti komuniti.

Output:

1. Pemasangan lengkap sistem pendawaian elektrik baharu yang mematuhi piawaian keselamatan.
2. Penyediaan mata soket kuasa yang lebih cekap.
3. Naik taraf kapasiti beban elektrik dewan bagi menyokong peralatan asas.

Impak:

1. Meningkatkan keselamatan dan mengurangkan risiko bahaya elektrik di dewan.
2. Mengoptimumkan fungsi serta keselesaan pengguna di dewan.
3. Menggalakkan penganjuran aktiviti komuniti yang lebih aktif dan berkesan melalui penyediaan fasiliti elektrik yang cekap.

SDG



PENERIMA MANFAAT

2,500 


Komuniti Kampung Semera Masjid

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/08/kampung-angkat-madani-rapatkan-jurang-desa-bandar>

AHLI PROJEK

PM Ir. Ts. Dr Kismet anak Hong Ping (Ketua), PM Ts. Dr Dayang Azra binti Awang Mat, Ts. Shirley anak Rufus, PM Ts. Dr Rohana binti Sapawi, Nawawi bin Muhamad, Awangku Mohamad Azmirul bin Awangku Omar, Lawrence Macwell anak Sinin



Program Bicara Jiwa, Semera Lestari merupakan inisiatif yang memberi fokus kepada kesejahteraan psikososial komuniti Kampung Semera melalui pendidikan kesihatan mental remaja dan kesedaran pencegahan gangguan seksual. Program ini dilaksanakan melalui latihan, bengkel interaktif dan sesi susulan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan daya tahan komuniti dalam menangani isu-isu sosial semasa.

Output:

1. Pelaksanaan siri bengkel interaktif dan latihan intensif mengenai kesihatan mental remaja serta pencegahan gangguan seksual.
2. Pembangunan dan edaran bahan modul pendidikan kepada komuniti Kampung Semera.

Impak:

1. Mewujudkan persekitaran masyarakat yang lebih selamat dan peka dengan isu-isu sosial.
2. Meningkatkan literasi psikososial ibu bapa untuk membina komunikasi yang lebih empati dan efektif dalam menyokong kestabilan emosi remaja.

SDG**PENERIMA MANFAAT**

Ibu bapa, remaja dan belia

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

https://ukas.sarawak.gov.my/web/subpage/news_view/22393

<https://gazette.unimas.my/2025/10/21/program-bicara-jiwa-semera-lestari-sempena-projek-kampung-angkat-madani-2025/>

AHLI PROJEK

Dr Mohammed Rasheedan Bin Ellin (Ketua) ,PM Dr Surena binti Sabil, PM Dr Zaiton binti Hassan, PM Dr Ang Ai Ling, Mohamad Sukran bin Kana, PM Dr Nur Fatimah binti Abdullah Bandar, Prof. Dr Helmy bin Hazmi, Dr Rosalia bt Saimon



Projek Cintakan Negara merupakan program pemerkasaan komuniti yang memberi fokus kepada Pendidikan literasi demokrasi sebagai warganegara Malaysia, pembangunan kepimpinan belia MADANI dan pengukuhan hubungan antara universiti dengan komuniti. Program yang dijalankan melalui kerjasama dengan agensi kerajaan dan penglibatan mahasiswa UNIMAS ini bertujuan untuk meningkatkan literasi sivik, kesedaran demokrasi serta semangat cintakan negara dalam kalangan masyarakat Kampung Semera.

Output:

1. Pelaksanaan siri program pendidikan sivik dan literasi demokrasi secara interaktif.
2. Penganjuran modul latihan kepimpinan Belia MADANI bagi mencungkil bakat kepimpinan dan jati diri golongan muda tempatan.

Impak:

1. Meningkatkan kesedaran sivik, literasi demokrasi dan tanggungjawab sebagai warganegara.
2. Melahirkan barisan pelapis belia yang berkeyakinan tinggi, berwibawa, dan memiliki ciri kepimpinan yang holistik.
3. Memperkukuh semangat perpaduan, jaringan masyarakat dan semangat patriotik dalam komuniti.

SDG



PENERIMA MANFAAT



Belia, pemimpin komuniti dan masyarakat setempat

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://gazette.unimas.my/2025/12/02/program-cintakan-negara-beyond-the-classroom-as-students-immersed-in-real-life-community-living/>

<https://gazette.unimas.my/2025/12/02/fssh-and-spr-launch-voter-awareness-education-program-in-kampung-semera/>

AHLI PROJEK

Najiha Binti Zainudin (Ketua), Dr Leha anak Saliman, Dr Adibah binti Yusuf, Dr Khalid bin Zanudin, Dr Nor Rafidah binti Saidon, Claudia anak Jiton, Dr Muhammad Azzubair Awwam Bin Mustafa, Dr Nurul Huda binti Marwan, Athifah binti Bolhassan, Mohd Hisyamuddin Bin Basabah, Dr Hafizan binti Mohamad Naim, Dr Farah binti Zaini



Tarikh Pelaksanaan: Ogos 2025

Pelaksana: Hospital Pengajar UNIMAS

Peruntukan: RM30,000.00


Program Pemeriksaan Kesihatan Bergerak di Kampung Semera yang dijayakan oleh 54 sukarelawan Hospital Pengajar UNIMAS ini telah memberi manfaat kepada 300 penduduk melalui penyediaan pemeriksaan kesihatan asas, perkhidmatan pakar (Telinga, Hidung, dan Tekak serta pemeriksaan mata), khidmat perundingan doktor, sumbangan ubat-ubatan dan alat bantuan mobiliti. Inisiatif ini bukan sahaja berjaya mengesan individu yang mempunyai masalah kesihatan yang belum didiagnosis secara awal, malah ia menekankan kepentingan strategi pencegahan berasaskan komuniti yang berterusan demi meningkatkan kesejahteraan kesihatan jangka panjang.

Output:

1. Pelaksanaan perkhidmatan klinik kesihatan bergerak di Kampung Semera.
2. Penyediaan pemeriksaan kesihatan, vaksinasi dan pendidikan kesihatan.
3. Penyediaan khidmat nasihat untuk komuniti mengenai penjagaan kesihatan dan pencegahan penyakit.

Impak:

1. Meningkatkan akses komuniti kepada perkhidmatan kesihatan asas.
2. Membantu pengesanan awal masalah kesihatan dan penyakit kronik.
3. Mewujudkan komuniti yang lebih sihat, berpengetahuan dan sejahtera.

SDG**PENERIMA MANFAAT**

Kanak-kanak, warga emas dan keluarga berpendapatan rendah

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

https://ukas.sarawak.gov.my/web/subpage/news_view/22393

AHLI PROJEK

Dr Tay Lee Wen (Ketua), Puan Norlia Binti Abdullah Abdul Rahman, Liana Anak Jirin, Siti Juriana Binti Johan



Program Penjenamaan Tempat dan Keterlihatan Kampung Semera merupakan inisiatif yang bertujuan memperkukuh identiti, imej dan keterlihatan Kampung Semera melalui pelaksanaan pelbagai projek pembangunan fizikal dan program pemerksaan komuniti. Majlis perasmian dan penutupan menjadi platform untuk meraikan kerjasama pelbagai pihak serta meningkatkan semangat penglibatan komuniti dalam menjayakan agenda pembangunan Kampung Angkat MADANI.

Output:

1. Pelaksanaan majlis perasmian dan penutupan Program Kampung Angkat MADANI.
2. Pemasangan papan tanda dan elemen penjenamaan Kampung Semera.
3. Hebahan umum serta promosi projek pembangunan dan program komuniti yang dilaksanakan.

Impak:

1. Meningkatkan identiti dan keterlihatan Kampung Semera sebagai Kampung Angkat MADANI.
2. Memperkukuh kerjasama antara komuniti, universiti dan agensi berkaitan.
3. Memupuk rasa bangga, pemilikan dan penglibatan aktif masyarakat dalam pembangunan kampung.

SDG



PENERIMA MANFAAT

6,809

Penduduk Kampung Semera

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/08/kampung-angkat-madani-rapatkan-jurang-desa-bandar>

AHLI PROJEK

Dr Nurul Hanim binti Nasaruddin (Ketua), Dr Ahmad Syafiq bin Ahmad Nasir, Othman Bin Juma'at, PM Dr Rafeah binti Wahi, Doris anak Maying, Amir Hassan bin Mohd Shah, Muhyiddin bin Mohammed, Nursuzila Binti Daud, Azrina Binti Bunsu, Majorie Anak Matu, Indera Bin Narudin



Program Kerjasama UNIMAS-ADTEC JTM Kampus Kota Samarahan bagi TVET On Job Training (OJT) – Naik Taraf Kemudahan TABIKA KEMAS dengan Tema STREAM

Tarikh Pelaksanaan: September 2025 – Disember 2025

Pelaksana: Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS

Peruntukan: RM200,000.00

Projek ini merupakan inisiatif kolaboratif antara Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif dengan kerjasama Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia (ADTEC JTM) Kampus Kota Samarahan dan KEMAS Samarahan. Projek ini memberi tumpuan kepada penyelenggaraan bangunan, pendawaian elektrik serta menaik taraf kemudahan dan keceriaan TABIKA KEMAS yang terpilih di Kampung Semera. Selain itu, pengindahan ruang pembelajaran serta penyediaan ruang pembelajaran bertemakan Pendidikan Sains, Teknologi, Spiritual dan Nilai, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STREAM) telah berjaya mewujudkan persekitaran yang lebih selamat, ceria dan kondusif untuk pendidikan dan perkembangan awal kanak-kanak.

Output:

1. Naik taraf dan penyelenggaraan lima (5) bangunan TABIKA/Taska KEMAS di Kampung Semera.
2. Penyelenggaraan sistem pendawaian elektrik di TABIKA/Taska KEMAS.
3. Penghasilan ruang pembelajaran bertema STREAM.

Impak:

1. Meningkatkan keselamatan dan keselesaan persekitaran pembelajaran kanak-kanak.
2. Merangsang minat awal kanak-kanak terhadap STREAM.
3. Memperkukuh kerjasama antara institusi pendidikan, komuniti dan agensi kerajaan dalam pembangunan pendidikan awal kanak-kanak.

SDG



PENERIMA MANFAAT

200



Kanak-kanak, guru/pengasuh, ibu-bapa

PAUTAN LIPUTAN MEDIA

<https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/08/kampung-angkat-madani-rapatkan-jurang-desa-bandar>

AHLI PROJEK

Dr Hishamuddin Bin Siri (Ketua), Dr Hakimi bin Halim, Muhyiddin bin Mohammed, Dr Ringah anak Kanyan, Mohamad Saufian bin Suhaili, Nurul Hikmah Begum binti Ali Sabri, Norfarizan Binti Johar, Noorina binti Hamdan, Amir Hassan bin Mohd Shah, Puteri Ariana binti A.Mohd Puat, Madzlan bin Abet, Mohd Jefri bin Samaroon, Tang Hung Moi, Doris anak Maying, Yasir Hasyim Bin Bujang, Mohammad Hafiz bin Openg



PENGHARGAAN

RAKAN STRATEGIK



KAMPUNG SEMERA

YB Puan Rodiyah Binti Sapiee, Ahli Parlimen P.200 Batang Sadong
YB Datuk Ir. Aidel Bin Lariwoo, ADUN N.24 Sadong Jaya
Pejabat Residen Bahagian Samarahan
Pejabat Daerah Asajaya
Pejabat Daerah Kecil Sadong Jaya

serta

Agensi, Badan Bukan Kerajaan dan Semua Individu yang telah Menyumbang Bakti

KETUA MASYARAKAT DAN KETUA KAUM (KMKK) KAMPUNG SEMERA

1. Penghulu Haji Mahdi Bin Li - Penghulu Semera
2. KK Abdul Hamid Bin Jamali - Kampung Semera Hilir
3. KK Sairi Bin Hajimi - Kampung Semera Lot
4. KK Jamali Bin Serol - Kampung Semera Lot Baru
5. KK Kasim Bin Hassan - Kampung Ulu Semera
6. KK Sabri Bin Dolhan - Kampung Semera Masjid

AHLI JAWATANKUASA

Program Kampung Angkat Madani (KAM) 2025

AHLI JAWATANKUASA INDUK

PENAUNG

YBhg. Prof. Dr. Ahmad Hata Bin Rasit

Naib Canselor UNIMAS

TIMBALAN PENAUUNG

Encik Mohamad Irwan Bin Bahari Bujang

Residen Samarahan

PENGERUSI I

Encik Jerry Zannuddin Bin Bidin

Pegawai Daerah Asajaya

PENGERUSI II

Prof. Madya Ts. Noraziah Binti Abdul Wahab

Penolong Naib Canselor Jaringan Industri, Masyarakat & Kelestarian UNIMAS

TIMBALAN PENGERUSI

Encik Abdullah Sam Bin Yusup

Pen. Peg. Tadbir, Pejabat Daerah Kecil Sadong Jaya

AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA

PENGERUSI

Prof. Madya Dr Rafeah Binti Wahi

Pengarah Pusat Kelestarian Universiti

BENDAHARI

Encik Abg Asmadi Bin Abg Shokeran

TIMBALAN PENGERUSI 1

Dr Ahmad Syafiq Bin Ahmad Nasir

WAKIL PEJABAT DAERAH KECIL

Encik Abdullah Sam Bin Yusup

Penolong Pegawai Tadbir

TIMBALAN PENGERUSI 2

Dr Mohd Farid Bin Atan

PENASIHAT KEWANGAN KAM

Puan Melissa binti Nur Azman @ Jeman

Puan Agatha Bana

TIMBALAN PENGERUSI 3

Tn Hj Mahdi Bin Li

Penghulu Kampung Semera

PENASIHAT PEMBANGUNAN KAM

Encik Yaman bin Hassan

SETIAUSAHA

Dr Nurul Hanim Binti Nasaruddin

Majorie Anak Matu

PENYELARAS PROJEK

Pusat Kelestarian Universiti (USC)

AHLI JAWATANKUASA (AJK)

Timbalan Dekan Hubungan Industri & Masyarakat semua Fakulti



Program Kampung Angkat MADANI 2025



Memperkasakan Komuniti ke arah Kelestarian Sejagat
